

Headline	Pasar tani anak seni di 2 lokasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	82,252
Page No	42	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	424 cm ²
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 14,040
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,120



bhip@bh.com.my

Pasar tani anak seni di 2 lokasi

Projek perintis anjuran FAMA, KOSENIWAN buka peluang perniagaan

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my



Ramai ahli memiliki perniagaan sendiri, mengapa tidak kami jadikan pasar tani sebagai platform menjana pendapatan sampingan.

Zulkifli M Osman,
Ahli Kehormat KOSENIWAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Koperasi Seni Warisan Berhad (KOSENIWAN) buat julung kalinya mengambil inisiatif membuka gerai jualan di pasar tani, khusus buat penggiat seni termasuk artis sebagai usaha meningkatkan pendapatan mereka.

Projek perintis program itu akan bermula di Pasar Tani Taman Melawati, Kuala Lumpur, Sabtu ini dan Pasar Tani Stadium Shah Alam, keesokannya.

Jualan bermula jam 6.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Antara artis yang dijangka membuka gerai adalah Faye Khusairi, Abon, Aznah Hamid, Nadia Kesuma, Anglia Natasha Aziz dan ramai lagi.

Ahli Kehormat KOSENIWAN, Datuk Zulkifli M Osman berkata, projek bersama FAMA itu selaras objektif penubuhan koperasi yang mahu membantu meningkatkan pendapatan

penggiat seni.

"Pertamanya, program berniaga di pasar tani ini adalah untuk mempromosikan KOSENIWAN kepada orang ramai.

"Kami bekerjasama dengan FAMA untuk membuka gerai jualan bagi ahli koperasi yang juga karyawan dan penggiat seni tanah air.

"Melihat ramai dalam kalangan ahli memiliki perniagaan sendiri, mengapa tidak kami jadikan pasar tani sebagai platform untuk mereka menjana pendapatan sampingan.

"Insya-Allah projek dengan FAMA ini adalah permulaan. Selepas ini, ada lebih banyak platform yang akan kami sediakan untuk artis dan penggiat seni," katanya kepada *HIP*.

Zulkifli yang juga pengarah dan pelakon berkata, artis yang berniaga bakal memeriahkan acara dan menggalakkan pengunjung untuk membeli-belah di pasar tani.

"Untuk menarik ramai pengunjung, kami akan membuat gimik termasuk segmen persembahan daripada artis yang terlibat dengan program pasar tani.

"Mungkin artis yang berniaga akan turun padang bersama peniaga yang lain," katanya.

Ditanya mengapa pasar tani dipilih, Zulkifli berkata, faktor sambutan orang ramai terhadap kemudahan itu pada setiap hujung minggu mendorong KOSENIWAN menggerakkan

inisiatif itu.

"Di pasar tani, orang ramai datang membeli barang keperluan. Tidak kira barangan basah atau kering. Kami percaya berniaga di pasar tani menjamin keuntungan," katanya.

Zulkifli berkata, ketika ini urus setia giat mencari orang seni dan artis yang mahu membuka gerai di dua pasar tani berkenaan.

"Kita juga mengalu-alukan artis muda turut serta program ini," katanya.

Mengenai projek lain yang dirancang, Zulkifli berkata, koperasi bercadang bekerjasama dengan organisasi lain dalam program yang boleh memberi manfaat sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

"Selepas lima tahun ditubuhkan, kami fikir inilah masanya untuk bekerja keras mempromosikan KOSENIWAN. Organisasi ini diasaskan untuk membantu anak seni tempatan," katanya.

Info KOSENIWAN

- » Ditubuhkan lima tahun lalu bagi memberi peluang kepada anak seni mencari pendapatan sampingan.
- » Projek perintis di Pasar Tani Taman Melawati, Kuala Lumpur, Sabtu ini dan Pasar Tani Stadium Shah Alam, keesokannya.